

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 79

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah penyelesaian berkenaan isu pembayaran royalti minyak negeri Kelantan dan bilakah janji Manifesto PH tersebut akan ditunaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan saman terhadap Kerajaan Persekutuan berhubung tuntutan bayaran tunai atau royalti minyak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2010.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kelantan secara rasminya telah menarik balik kes tuntutan pembayaran tunai atau royalti minyak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ke atas Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Kerajaan Persekutuan Malaysia pada 27 Jun 2019 lalu.
3. Susulan penarikan balik saman oleh Kerajaan Kelantan terhadap Kerajaan Persekutuan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah menerima satu Notis Pemberhentian Kes secara rasmi daripada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) melalui Penasihat Undang-undang MEA pada 5 Julai 2019.
4. Langkah kerajaan Kelantan menarik balik tuntutan saman terhadap Kerajaan Persekutuan dan PETRONAS berhubung isu royalti diyakini dapat membuka ruang dan memperkukuhkan semangat federalisme. Pembayaran royalti tersebut akan dibuat oleh Kerajaan Pusat apabila semua proses selesai.

Sekian, terima kasih.